

Ketirisan baja subsidi padi dikesan diguna untuk kelapa sawit

Sharifuddin Saari
05 Ogos 2019 10:14 AM



GURUN 5 OGOS - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mendedahkan ketirisan baja subsidi bagi kegunaan penanam padi, dikesan telah digunakan oleh pihak-pihak tidak bertanggungjawab bagi industri kelapa sawit.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, hal demikian kerana industri kelapa sawit mempunyai permintaan yang tinggi terhadap keperluan baja di negara ini iaitu hampir 88 peratus.

Kata beliau, berikut itu, segelintir pesawah telah menjual baja subsidi yang diperuntukkan kepada mereka untuk meningkatkan hasil pengeluaran padi di negara ini, kepada pihak lain.

"Pihak ini (pengilang) akan membeli baja subsidi khususnya yang dibekalkan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) lalu dibungkus semula.

"Pada 2018, KPDNHEP mengesan dan mengambil tindakan terhadap tiga kes (premis) yang membeli dan membungkus semula baja subsidi di Kedah dan jumlah ini meningkat kepada enam kes pada tahun ini (setakat Ogos).

"Di Johor dan Perak, masing-masing satu kes dikesan (penyelewengan baja subsidi) pada tahun lepas dan tahun ini (setakat ini)," katanya ketika ditemui selepas mengadakan lawatan kerja beliau ke Malaysian NPK Fertilizer Sdn. Bhd. di sini, semalam.

Yang turut hadir Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas), Datuk Phahrolrazi Mohd. Zawawi dan Pengurus Besar Nafas, Ahmad Shaari.

Dalam pada itu, Saifuddin menjelaskan isu ketirisan dan penyelewengan dalam agihan baja subsidi kepada petani bukan berpunca di peringkat Nafas sebaliknya di peringkat bawahannya.

Katanya, daripada segi jalur pengagihan baja, ia jelas menunjukkan bahawa tanggungjawab Nafas selesai selepas proses pengedaran kepada PPK.

"Daripada PPK, agihan (baja) dilakukan kepada petani... Di sana ada kes (ketirisan baja) tapi tidak mencemaskan, tapi ia wujud.

"Penguat kuasa (kementerian) temukan beberapa kes jualan baja subsidi kepada pihak tertentu yang kemudian buat pembungkusan semula (baja)," katanya. - UTUSAN ONLINE

